



TAJUK KHUTBAH JUMAAT

Siri: 33/2023

TUJUH PETANDA KEBAHAGIAAN HIDUP

18 Ogos 2023

Bersamaan

1 Safar 1445

DIKELUARKAN OLEH:

**JABATAN HAL EHWAL AGAMA
TERENGGANU**

PERINGATAN:

Adalah diingatkan bahawa sebarang penambahan dan pemindaan terhadap isi kandungan teks khutbah yang telah disediakan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu adalah **DILARANG**.

Khatib yang bertugas hendaklah menyemak kembali **RUKUN, AYAT AL-QURAN** dan helaian muka surat yang diterima. Pastikan teks dibaca terlebih dahulu sebelum menyampaikan khutbah.

KHUTBAH PERTAMA

الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا طَيِّبًا مُبَارَكًا فِيهِ ،
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ ،
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ ،
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، اتَّقُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوهُ، وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُتَّقِينَ.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita berusaha meningkatkan ketaqwaan kita kepada Allah Ta'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan suruhanNya dan meninggalkan segala laranganNya. Mudah-mudahan kita selamat di dunia dan berjaya di akhirat.

Sidang Jumaat yang dihormati sekalian,

Khutbah Jumaat pada hari yang berbahagia ini bertajuk:

TUJUH PETANDA KEBAHAGIAAN HIDUP

Bersamalah kita renungi firman Allah swt dalam Surah an-Nahlu, ayat 30 ini :

❁ وَقِيلَ لِلَّذِينَ اتَّقَوْا مَاذَا أَنْزَلَ رَبُّكُمْ قَالُوا خَيْرًا لِلَّذِينَ أَحْسَنُوا فِي هَذِهِ الدُّنْيَا

حَسَنَةً وَلِدَارُ الْآخِرَةِ خَيْرٌ وَلَنِعْمَ دَارُ الْمُتَّقِينَ ﴿٣٠﴾

Maksudnya: Dan ditanya pula kepada orang-orang yang bertaqwa: “Apakah yang telah diturunkan oleh Tuhan kamu?” Mereka menjawab: “Kebaikan” orang-orang yang berbuat kebaikan di dunia ini beroleh balasan yang baik, dan sesungguhnya balasan negeri akhirat itu lebih baik lagi; dan memanglah negeri akhirat ialah sebaik-baik negeri bagi orang-orang yang bertaqwa.

Muslimin yang dirahmati Allah swt,

Pertukaran waktu dan pergerakan masa yang begitu pantas menjadikan kita umat manusia perlu memanfaatkan usia yang ada. Apakah ianya diisi dengan amalan yang baik atau sebaliknya?

Sebagai seorang hamba kepada Allah swt sewajarnya kita dapat mengambil manfaat terbaik daripada nikmat waktu dan kehidupan yang dianugerahkan oleh Allah dengan menambahkan bekalan akhirat dan menjauhi dosa maksiat.

Demikian juga, setiap diri sentiasa mengimpikan kebahagiaan walaupun usaha ke arah mencapainya tidaklah sama; ada yang berusaha secara bersungguh-sungguh dan ada juga yang hanya berangan-angan sahaja.

Sidang Jumaat yang berbahagia sekalian,

Tujuh petanda seseorang itu mendapat kebahagiaan dalam kehidupan duniawi ini dan diredhai Allah adalah sebagaimana berikut:

Pertama: Sentiasa bersyukur atas segala nikmat.

Firman Allah swt dalam Surah Ibrahim ayat 7:

وَإِذْ تَأَذَّنَ رَبُّكُمْ لَئِن شَكَرْتُمْ لَأَزِيدَنَّكُمْ وَلَئِن كَفَرْتُمْ إِنَّ

عَذَابِي لَشَدِيدٌ ﴿٧﴾

Maksudnya: Dan (ingatlah) ketika Tuhan kamu memberitahu: "Demi sesungguhnya! Jika kamu bersyukur nescaya Aku akan tambahi nikmatKu kepada kamu, dan demi sesungguhnya, jika kamu kufur ingkar sesungguhnya azabKu amatlah keras".

Kedua: Memiliki pasangan hidup yang solehah.

Sabda Nabi saw yang bermaksud:

‘Mahukah aku beritahu kamu mengenai isteri yang terbaik ? iaitu isteri yang solehah, ketika dipandang hati menjadi senang, apabila disuruh dia taat, dan apabila suami tiada di rumah, dia tetap menjaga kesetiaannya terhadap suami’.

(Hadis riwayat Abu Daud dan al Hakim)

Sidang Jumaat yang diberkati Allah,

Tanda kebahagiaan ketiga ialah memiliki zuriat yang soleh dan solehah.

Zuriat yang soleh lahir daripada kesan pendidikan dan tarbiah berterusan daripada ibu bapa dan penjaga yang sentiasa mendidik anak dengan mengisi keperluan jasmani dan rohani, bukan sekadar memberi makan minum, pakaian, tempat tinggal sahaja tanpa menghiraukan aspek rohani.

Petanda kebahagiaan hidup yang keempat pula ialah persekitaran hidup yang selesa dan baik.

Ini termasuklah kediaman yang selesa, kejiranan yang baik dan kenderaan yang sesuai.

Sabda Nabi SAW yang bermaksud:

Empat perkara petanda kebahagiaan ; pasangan yang solehah, rumah yang selesa, jiran yang baik dan kenderaan yang sesuai'.

(Hadis Riwayat Ahmad)

Adapun petanda kelima ialah memiliki rezeki dan makanan yang halal lagi baik.

Firman Allah swt dalam surah al Baqarah ayat 172 :

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُلُوا مِن طَيِّبَاتِ مَا رَزَقْنَاكُمْ وَأَشْكُرُوا لِلَّهِ إِن

كُنْتُمْ إِيَّاهُ تَعْبُدُونَ ﴿١٧٢﴾

Maksudnya: Wahai orang-orang yang beriman! Makanlah dari benda-benda yang baik (yang halal) yang telah Kami berikan kepada kamu, dan bersyukurlah kepada Allah, jika betul kamu hanya beribadat kepadanya.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Petanda kebahagiaan keenam pula ialah memiliki dan mendalami ilmu agama secukupnya.

Firman Allah swt dalam surah al Mujadilah ayat 11 :

يَرْفَعُ اللَّهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا مِنكُمْ وَالَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ دَرَجَاتٍ

Maksudnya: ..Allah meninggikan darjat orang-orang yang beriman di antara kamu, dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan agama (dari kalangan kamu) - beberapa darjat. Dan (ingatlah), Allah Maha Mendalam Pengetahuannya tentang apa yang kamu lakukan.

Seterusnya,petanda kebahagiaan yang ketujuh ialah dianugerahkan umur yang berkat.

Sabda Nabi saw :

خَيْرُ النَّاسِ مَنْ طَالَ عُمُرُهُ وَحَسُنَ عَمَلُهُ

Maksudnya: Manusia terbaik ialah orang yang panjang umurnya dan amalannya baik.

(Riwayat al Tirmizi)

Justeru, marilah kita sama-sama berusaha serta memohon pertolongan Allah swt bagi mencapai kebahagiaan hidup, sebagaimana yang dianjurkan dalam agama. Mudah-mudahan kita semua akan mencapai kebahagiaan di dunia dan akhirat. Aamiin ya Rabbal 'Alamiin

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

❖ وَأَمَّا الَّذِينَ سَعِدُوا ففِي الْجَنَّةِ خَالِدِينَ فِيهَا مَا دَامَتِ السَّمَوَاتُ وَالْأَرْضُ إِلَّا مَا

شَاءَ رَبُّكَ ۗ عَطَاءٌ غَيْرٌ مَجْذُوزٍ ﴿١٠٨﴾

Maksudnya: Adapun orang-orang yang berbahagia (disebabkan imannya dan taatnya), maka di Syurgalah tempatnya. Mereka kekal di dalamnya selagi ada langit dan bumi, kecuali apa yang dikehendaki oleh Tuhanmu, sebagai pemberian nikmat yang tidak putus-putus.

(Surah Hud: 108)

بَارِكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،
وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،
وَتَقَبَّلَ اللَّهُ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ،
أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ،
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ،
إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ. وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Sidang Jumaat yang dikasihi.

Marilah juga kita memperbanyakkan ucapan selawat dan salam kepada Rasulullah SAW sebagaimana firman Allah dalam surah al-Ahzab ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا
إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ،
إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، وَالْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ مَا لَا يَصْرِفُهُ غَيْرُكَ.
اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ وَالْجُنُونِ وَالْجُدَامِ وَمِن سَيِّئِ الْأَسْقَامِ. اللَّهُمَّ
اشْفِ مَرَضَانَا وَارْحَمْ مَوْتَانَا، وَالطُّفَّ بِنَا فِيمَا نَزَلَ بِنَا.
اللَّهُمَّ احْفَظْ مَوْلَانَا الْوَاتِقَ بِاللَّهِ السُّلْطَانَ مِيزَانَ زَيْنِ الْعَابِدِينَ، ابْنَ الْمَرْحُومِ
السُّلْطَانَ مُحَمَّدٍ الْمُكْتَفِيَّ بِاللَّهِ شَاهٍ، وَأَنْزِلِ الرَّحْمَةَ عَلَيْهِ وَعَلَى السُّلْطَانَةِ نُورِ
زَاهِرَةَ، سُلْطَانَةَ تَرَغْكَانُو.
وَاحْفَظْ أَوْلَادَهُ وَأَهْلَهُ وَرِعَايَاهُ مِنَ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ،
بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.
اللَّهُمَّ احْفَظْ وَلِيَّ الْعَهْدِ تَعَكُّو مُحَمَّدَ إِسْمَاعِيلَ ابْنَ الْوَاتِقِ بِاللَّهِ السُّلْطَانَ مِيزَانَ
زَيْنِ الْعَابِدِينَ.

Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim.

Perbaikilah hubungan sesama kami dengan penuh kasih sayang.
Limpahkanlah dalam kehidupan keluarga kami ketenangan dan
kebahagiaan, Semangat muafakat dalam kejiranan, Para remaja yang teguh
iman, tinggi ilmu dan mulia akhlaknya.

Ya Allah,

Kami pohon kehadiran-Mu agar mantapkanlah pegangan kami menurut ajaran Ahli Sunnah Waljamaah dan jadikanlah kami sentiasa istiqamah dalam melaksanakan segala perintah-Mu.

Ya Allah,

Perkukuhkan perpaduan umat Islam di negeri Terengganu. Jadikanlah negeri ini negeri yang aman, maju lagi diberkati. Bukakanlah pintu-pintu rezeki dari segala penjuru. Kurniakanlah kepada kami nikmat kesejahteraan yang berterusan. Jauhkanlah negeri kami ini daripada segala malapetaka, musibah dan apa jua kemurkaan-Mu.

آمين يا الله، يا أرحم الراحمين

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
وَصَلَّى اللهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ.
وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللهِ!

أذْكُرُوا اللهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ،
وَلَذِكْرُ اللهِ أَكْبَرُ، وَاللهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.
□ قُومُوا إِلَى صَلَاتِكُمْ، يَرْحَمْكُمْ اللهُ.